

23 JAN 1996
Badminton - Abdullah
PBM LANCAR KEJOHANAN KELAB

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Arena badminton Malaysia akan memasuki era baru dengan pelancaran satu kejohanan kelab tidak lama lagi yang dibuka kepada pemain luar negara.

Presiden Persatuan Badminton Malaysia (PBM) Datuk Abdullah Fadzil Che Wan berkata kejohanan itu dibuka kepada kelab swasta, syarikat dan pertubuhan.

"Kita mahu mewujudkan lebih persaingan untuk pemain tempatan yang tidak berada dalam pasukan kebangsaan. Cara sedemikian, kita boleh kekalkan mereka yang tidak terpilih untuk terus bersaing," katanya selepas mesyuarat exco PBM di sini hari ini.

Beliau berkata kejohanan itu terbuka kepada kelab-kelab profesional seperti Nusa Mahsuri dan Wira Tangkis dan mereka dibenarkan menyertainya sebagai pemain kebangsaan atau pemain luar negara, malahan juara dunia Heryanto Arbi boleh dijemput.

Abdullah juga mengumumkan pasukan kebangsaan baru yang menyaksikan kemasukan P. Kantharopan, Davincy Saha, Wong Ewee Mun dan Koo Yong Chut.

Roslin Hashim, satu-satunya pemain PBM dalam skuad Sukan SEA baru-baru ini, mengekalkan kedudukannya bersama-sama Ismail Saman dan peserta separuh akhir All-England Lo Ah Heng.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock kekal sebagai pasangan pilihan utama manakala tiga beregu lagi ialah Yap Yee Hup/Yap Yee Guan, Chung Tan Fook/Lee Wan Wah dan Rosman Razak/Chew Chun Eng.

Abdullah berkata walaupun pasukan itu semakin kecil, kedudukan senarai pemain akan dikaji dari masa kesemua berdasarkan prestasi mereka dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa dan semasa saringan kebangsaan.

"Kami mungkin tidak mengadakan saringan setiap empat bulan seperti sekarang. Kami mahu mereka hasilkan kejayaan dalam kejohanan-kejohanan antarabangsa ... sesetengah pemain hanya bersedia untuk saringan itu sahaja... kami mahu mereka sentiasa bersedia," katanya.

Mengenai pengguguran pemain, Abdullah berkata mereka akan diberi peluang kedua jika boleh membuktikan kemampuan mereka dalam kejohanan-kejohanan tempatan. Kebajikan pemain dijaga dengan mereka mempunyai pekerjaan dengan beberapa syarikat.

Abdullah juga mengumumkan bahawa pemain-pemain profesional Rashid Sidek, Ong Ewe Hock, Pang Chen dan Yong Hock Kin telah dipilih untuk pusingan kelayakan Piala Thomas yang akan berlangsung di New Zealand pada bulan depan.

Bagaimanapun, tidak terdapat pemain perseorangan dari kem PBM memandangkan Roslin digugurkan manakala pemain beregu yang terpilih termasuk Soon Kit/Kim Hock, Soo Beng Kiang/Tan Kim Her dan pendaftar baru Choong Tan Fook/Lee Wan Wah.

Ketua jurulatih Razif Sidek akan mengendalikan pasukan itu dengan abangnya Misbun Sidek, kata Abdullah. Pasukan itu akan berhimpun selama seminggu sebelum berlepas ke New Zealand.

Mengenai pemain-pemain TUKOM yang dikerah untuk memikul tugas akan datang, Abdullah berkata kesemua 20 pemain lelaki yang terpilih itu akan melaporkan diri untuk latihan pada 2 Feb manakala pasukan wanita di bawah projek yang sama akan berfungsi sebagai pasukan kebangsaan.

Beliau berkata belanjawan untuk projek TUKOM ialah RM1.2 juta setahun manakala RM700,000 akan digunakan untuk pasukan kebangsaan.

Abdullah juga berkata Pang Cheh Chang dimasukkan dalam projek TUKOM walaupun beliau atas 21 tahun kerana PBM mahu mendidiknya sebagai pakar beregu.

Projek TUKOM

Lelaki: Wong Choon Hann, Jason Wong, Poh Yong Siang, Mahathir Mustaffa, Foo Kiang Kheng, Ng Kean Kok, Yap Yong Jyen, Sydney Michael, Hoo Kim Loong, Yong Cheng Foo, Ramesh Nathan, Lee Chee Leong, Cheah Soon Thoe, Chan Kim Wai, Khoo Boo Hock, Jeremy Valberg, Tanabalan, Fazli Mohd Aris, Song Weng Yee, Pang Cheh Chang.

Wanita: Chan Chia Fong, Kuak Sieok Choon, Ishwari Boopathy, Geevien Saha, Norhashikin Amin, Winnie Lee, Lee Yin Yin.

Piala Uber

Chan Chia Fong, Ishwari Boopathy, Geevien Saha, Winnie Lee, Kuak Sieok Choon, Norhashikin Amin, Law Pei Pei, Lim Pek Siah, Chor Hooi Yee. --
BERNAMA.